

**SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED CILI MERAH**

**Standard FAMA : FS008 – 2000 (Rev. 2008)**

**1. SKOP**

Spesifikasi gred ini akan meliputi semua varieti Cili Merah tempatan (*Capsicum annuum* L.) yang dipasarkan. Cili yang dipasarkan sebagai cili hijau tidak termasuk di dalam skop spesifikasi ini.

**2. DEFINASI TERMA**

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

- 2.1 *Kematangan* - Terdiri daripada enam (6) indeks warna seperti berikut:
- 2.1.1 Indeks 1 - Belum matang. Kulit cili berwarna hijau muda.
  - 2.1.2 Indeks 2 - Matang. Kulit cili berwarna hijau tua dan berkilat.
  - 2.1.3 Indeks 3 - Peringkat warna. Kulit cili berwarna hijau tua dengan sedikit merah, hijau kemerahan atau merah kehijauan.
  - 2.1.4 Indeks 4 - Kulit cili berwarna merah dengan sedikit hijau (hijau merah).
  - 2.1.5 Indeks 5 - Kulit cili berwarna merah sepenuhnya.
  - 2.1.6 Indeks 6 - Terlalu matang. Kulit cili berwarna merah kehitaman.
- 2.2 *Kematangan seragam* - Konsainan yang mengandungi satu indeks warna atau gabungan dua indeks warna yang hampir seperti 2 dan 3, 3 dan 4, dan sebagainya dalam satu-satu lot.
- 2.3 *Segar* - Kulit cili tersebut kelihatan licin dan berkilat serta tidak layu atau kecut.
- 2.4 *Sempurna bentuk* - Cili tersebut mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat bentuk varieti yang berkenaan termasuk cili yang mempunyai bentuk yang sedikit janggal seperti lekok dan agak membengkok di hujungnya tetapi masih mengekalkan ciri dan sifat-sifat bentuk varietinya.
- 2.5 *Kotor* – Cili yang terdapat kesan-kesan bendasing yang tidak dibersihkan seperti sarang serangga, tanah, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.

- 2.6 *Kecacatan* – Cili yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuk kotor, cacat dan cacat rupa.
- 2.6.1 *Cacat* - Cili tersebut berbentuk tidak normal seperti terlalu bengkok, kerekot, terbantut atau bentuk yang tidak sempurna bagi varieti berkenaan yang menjejaskan rupa bentuk.
- 2.6.2 *Cacat rupa* - Tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti, karat, nyahwarna luar biasa dan kesan parut serta tidak boleh dibersihkan, tetapi tidak menjejaskan isi. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit buah.
- 2.7 *Rosak* – Sebarang kecederaan atau kerosakan seperti berikut yang disebabkan oleh serangga perosak, penyakit, dan kecederaan mekanikal pengendalian yang akan menjejaskan jangkahayat, keseluruhan rupa, pemakanan dan kualiti.
- 2.7.1 Sebarang kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh serangga perosak.
- 2.7.2 Cili tersebut mengalami kecederaan mekanikal dan fisiologi semasa pengendalian seperti patah, luka kulit, pecah, tiada tangkai dan sebagainya.
- 2.7.3 Cili tersebut mengalami jangkitan penyakit seperti bintik berpusar, busuk, reput dan berkulat.

### 3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1 Agak bebas daripada kecacatan dan rosak disebabkan kecederaan mekanikal, faktor semula jadi, serangga atau penyakit dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.2 Masih **segar, bersih dan bertangkai**.
- 3.3 Cili berkenaan sudah mencapai tahap kematangan yang sewajarnya (indeks 2 hingga indeks 4) dan sesuai untuk dipasarkan sebagai Cili Merah.

### 4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1 Cili Merah dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

| Gred           | Spesifikasi   | Kelongsaran (Maksimum)  |
|----------------|---|---|
| <b>Premium</b> | Cili Merah dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari | Kematangan ≤ 5%<br>Segar ≤ 5%<br>Rosak ≤ 5%<br>Kecacatan ≤ 5% |

|   |  |   |
|---|--|---|
|   | kecacatan atau kerosakan.  | Keseragaman saiz $\leq 5\%$   |
| 1 | Cili Merah dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan. | Kematangan $\leq 5\%$<br>Segar $\leq 5\%$<br>Rosak $\leq 5\%$<br>Kecacatan $\leq 10\%$<br>Keseragaman saiz $\leq 10\%$    |
| 2 | Cili Merah dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan. | Kematangan $\leq 10\%$<br>Segar $\leq 10\%$<br>Rosak $\leq 10\%$<br>Kecacatan $\leq 10\%$<br>Keseragaman saiz $\leq 10\%$ |

4.2 Bagi Cili Merah, saiz ditentukan oleh panjang dalam unit sentimeter (cm) sepertimana jadual berikut;

| Saiz        | Kod | Panjang (cm) |
|-------------|-----|--------------|
| Lebih Besar | XL  | >16.0        |
| Besar       | L   | 13.1 – 16.0  |
| Sedang      | M   | 10.1 – 13.0  |
| Kecil       | S   | 7.0 – 10.0   |

*Rujukan Standard : Specification for Fresh Chillies MS : 894(1984), Rev. 2003*

## 5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

### 5.1 Pembungkusan

- 5.1.1 Cili Merah daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalask hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

**5.2 Pelabelan.**

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh:
- 5.2.2 Nama/Kod Penanam
- 5.2.3 Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred

**6. PERSAMPELAN**

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “Method of Sampling For Fresh Vegetables”, atau kaedah statistik yang dipersetujui.